



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### 942 ORANG PEGAWAI BERPRESTASI CEMERLANG MENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG BAGI TAHUN 2014 DI PICC

**PUTRAJAYA, 31 MAC 2015** – YBhg. Datuk Seri Adnan bin Hj Md Ikshan, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan hari ini menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) kepada **942 orang** pegawai- pegawai di KWP dan Agensi yang berprestasi cemerlang di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

2. Dari keseluruhan jumlah penerima APC, **24 orang** adalah dari **KWP**, **800 orang** dari **DBKL**, **69 orang** dari **Perbadanan Putrajaya**, **45 orang** dari **Perbadanan Labuan**, **2 orang** daripada **Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu** dan **2 orang** dari **Majlis Sukan Wilayah Persekutuan**.

3. Pemilihan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2014 telah dibuat berdasarkan garis panduan yang ditetapkan dalam **Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 2002** dan dipertimbangkan berdasarkan **Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang cemerlang**, bebas daripada tindakan tatatertib, kesalahan jenayah dan tapisan keutuhan **SPRM**, pernah menerima **Anugerah Pegawai Contoh Bulanan** bagi tahun 2014 serta ***towering personality*** yang ditunjukkan oleh **warga kerja** dan juga komitmen dalam penglibatan kerja- kerja serta tugas sukarelawan.

4. Penghargaan ini adalah merupakan inisiatif yang diberikan oleh Kementerian dan Agensi kepada mereka yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang sepanjang tahun 2014 serta sumbangan tenaga, masa dan komitmen ke atas kerja-kerja yang diamanahkan. Semua penerima APC ini akan dicalonkan untuk Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) bagi tahun 2014. PPC merupakan anugerah pingat kepada pegawai perkhidmatan awam yang menunjukkan kecemerlangan bukan sahaja dalam tugas yang diamanahkan tetapi aktif dalam penglibatan dan sumbangan di luar tugas rasmi termasuk aktiviti kesukarelaan, kemasyarakatan, sukan, kebudayaan, dan sebagainya yang boleh mengharumkan nama organisasi dan negara.

5. Melalui penganugerahan ini, diharap akan dapat meningkatkan motivasi para penjawat awam ke arah meningkatkan kualiti kerja yang lebih baik dan memberangsangkan dalam usaha merealisasikan transformasi kerajaan. Kejayaan penjawat awam di peringkat nasional dan antarabangsa juga dapat meningkatkan produktiviti negara serta menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negara dalam skala yang lebih besar pada masa akan datang. Selain itu juga, penjawat awam merupakan penggerak utama jentera pentadbiran kerajaan ke arah melaksanakan semua pendekatan dan program kerajaan dari semasa ke semasa.

**Disediakan oleh:**

**BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
31 MAC 2015  
PUTRAJAYA**